

Bersih 3.0 jadi huru-hara

Silver 29/4/12 MS 2.

KUALA LUMPUR - Perhimpunan anjuran Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) 3.0 yang kononnya mahu menuntut pilihan raya yang adil bertukar ganas apabila penyokongnya bertindak mencederakan 11 anggota polis serta merosakkan harta benda awam ketika menyertai perarakan haram menuju ke Dataran Merdeka semalam.

Kesemua anggota tersebut termasuk seorang anggota wanita dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) untuk rawatan pesakit luar akibat kecederaan di kepala, tangan serta patah gigi.

Dua daripada anggota itu ditumbuk dan dipukul dengan keta dalam insiden sebuah kereta peronda Proton Waja diterbalikkan di hadapan kompleks beli-belah Sogo.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh berkata, pihaknya masih berjaya mengawal keadaan, malah berjaya menyekat para penyokong Bersih 3.0 daripada memasuki Dataran Merdeka.

Polis kelmarin mendapat perintah daripada Mahkamah Majistret Kuala Lumpur yang melarang pihak berkenaan da-



SEBAHAGIAN daripada penyokong perhimpunan Bersih 3.0 cuba merempuh sekatan polis berdekatan Dataran Merdeka semalam.

ripada berkumpul di Dataran Merdeka mulai tengah malam kelmarin hingga 1 Mei.

Katanya, polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata dan meriam air kerana perusuh bertindak ganas.

“Mereka membalang objek kepada polis dan memaksa polis membuka laluan untuk memudahkan mereka bergerak menghampiri Dataran Merdeka,” katanya.

Antara yang menyertai Bersih 3.0 ialah Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Pas, Datuk Se-

ri Abdul Hadi Awang dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Kemuncak perhimpunan pada pukul 12 tengah hari itu ialah perarakan seramai 25,000 penyokong pembangkang yang dibawa dari seluruh negara untuk menceroboh Dataran Merdeka tetapi usaha mereka gagal.

Setakat pukul 9.30 malam tadi, polis menahan 388 orang peserta yang membuat kecoh pada perhimpunan Bersih 3.0 di sekitar ibu negara.

Sebahagian peserta yang ditahan itu termasuk wanita dan

kanak-kanak.

Menurut laman Facebook Polis Diraja Malaysia (PDRM), kesemua yang ditahan ditempatkan di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak di sini.

Difahamkan polis juga menyediakan makanan dan kemudahan tempat solat kepada peserta yang ditahan itu.

Sementara itu, Pengerusi Bersih, Datuk S. Ambiga mengakui pihaknya gagal mengawal emosi peserta demonstrasi hingga memaksa polis mengambil tindakan menembak meriam air dan gas pemedih mata.

Sambil melahirkan rasa kecewa, Ambiga bagaimanapun mendakwa tindakan provokasi sebilangan penyokong Bersih hingga bertindak merempuh penghadang polis di Dataran Merdeka bertentangan dengan arahan yang dikeluarkan pihaknya.

“Tindakan melanggar penghadang polis di Dataran Merdeka kita tidak sokong,” katanya.

Dalam pada itu, kesesakan jalan yang teruk dilaporkan apabila polis menutup 58 batang jalan ekoran perhimpunan itu sejak pukul 6 pagi semalam.



PESERTA perhimpunan haram Bersih 3.0 bertindak merempuh halangan yang dipasang oleh pihak polis di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur semalam.



BEBERAPA buah motosikal rosak akibat tindakan para peserta perhimpunan Bersih 3.0 yang berarak menuju ke Dataran Merdeka semalam.

Silver 29/11/12 MS3.



GAGAL...Anwar Ibrahim (kanan) yang memperkudakan perhimpunan Bersih 3.0 muncul untuk memberi semangat kepada para penyokong parti pembangkang. Perhimpunan itu yang cuba menceroobh Dataran Merdeka gagal mencapai matlamat memasuki Dataran Merdeka yang dikawal rapi oleh pihak polis.



JURUKAMERA televisyen AlHijrah, Mohd. Azri Mohd. Salleh menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur selepas diserang oleh para peserta Bersih 3.0 berdekatan Dataran Merdeka.



JURUGAMBAR akhbar Malay Mail, Arif Kartono cedera dibelasah peserta perhimpunan Bersih 3.0.